

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[HIKAM ABU MADYAN'S EARLY COMMENTARIES: A REVIEW]

SYARAH AWAL HIKAM ABU MADYAN: SATU SOROTAN

AMIRUL HISHAM AFANDI¹
 ENSKU IBRAHIM ENSKU WOK ZIN¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporeri Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: amirulhishamafandi@gmail.com

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

Abstract

Hikam Abu Madyan's commentaries are a work containing a Sufi's spiritual guide. It was based on Hikam Abu Madyan composed by Sheikh Shu'ayb al-Maghribi. But there is lack of study about it. Therefore, this study aims to clarify about the author of Hikam Abu Madyan, the relevance of this work to him and earlier commentaries of Hikam Abu Madyan. The researchers will be focused on 4 earliest commentaries that existed. First Sharh Hikam al-Ghawthiyyah by Syeikh Ahmad bin Ibrahim Ibn `Allān al-Siddīqī al-Makkī, second, al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil 'Alā Ma'ānī al-Tanzīh Wa Haqāiq al-Tawhīd 'Alā Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd by Syeikh Ahmad bin Abdul Qadir bin Umar al-Daw`anī al-Hadramī, third, Kanz al-Mīnan 'Alā Hikam Abi Madyan by Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī al-Jāwī, and fourth, al-Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah by Syeikh Ahmad bin Mustafa al-'Alāwī. This study is based on data collected through document analysis method and analyzed using inductive, deductive and comparative method. Researchers found that Hikam Abu Madyan's commentaries were suitable to be highlighted as the reference for scholars and the society. These commentaries showed that the scholars were encouraged to clarify the content of Hikam Abu Madyan for a better understanding. This study is important as an introduction to Hikam Abu Madyan and its early commentarie.

Keywords: Hikam Abu Madyan, Early Commentary, Tasawuf, Spiritual guide, Abu Madyan, Shu`ayb al-Maghribi

Abstrak

Syarah-syarah Hikam Abu Madyan ialah karya yang mengandungi panduan perjalanan kerohanian ahli Tasawuf. Syarahan ini telah dilakukan terhadap Hikam Abu Madyan yang telah dikarang oleh Syeikh Shu`ayb al-Maghribi. Namun begitu kajian tentangnya masih belum banyak dilakukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan biografi pengarang Hikam Abu Madyan, penisbahan karya ini kepada beliau dan karya-karya dalam kategori syarah bagi Hikam Abu Madyan ini. Pengkaji akan menfokuskan kepada 4 syarahan awal yang didapati terhadapnya.

Pertama *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah* oleh Syeikh Ahmad bin Ibrahim Ibn `Allān al-Siddīqī al-Makkī, kedua, *al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil `Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqāiq al-Tawhīd `Alā `Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd* oleh Syeikh Ahmad bin Abdul Qadir bin Umar al-Daw`anī al-Hadramī, ketiga, *Kanz al-Minan `Alā Hikam Abi Madyan* oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī al-Jāwī, dan keempat, *al-Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah* oleh Syeikh Ahmad bin Mustafa al-`Alāwī. Kajian ini berasaskan data-data yang dikumpul melalui kaedah analisis dokumen. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Pengkaji mendapati syarahan Hikam Abu Madyan merupakan sebuah karya tasawuf yang sesuai untuk diketengahkan sebagai rujukan para ulama dan masyarakat. Penghasilan syarahan ini menunjukkan kecaknaan para ulama dalam menjelaskan kandungan Hikam Abu Madyan. Kajian ini penting sebagai pengenalan kepada Hikam Abu Madyan dan kitab-kitab syarahan awal terhadapnya.

Kata kunci: Hikam Abu Madyan, Syarahan Awal, Tasawuf, Panduan kerohanian, Abu Madyan, Shu`ayb al-Maghribi.

Cite as: Amirul Hisham Afandi & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. 2021. Syarah Awal Hikam Abu Madyan: Satu Sorotan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 190-197.

PENGENALAN

Tradisi penulisan dalam tasawuf telah bermula seiring dengan pendokumentasian ilmu Islam yang lain seperti fikah. Para Ahli tasawuf telah menghasilkan pelbagai bentuk karya mengikut kecenderungan (mashrab) mereka (Abdul Mun`im, 1434H: 5). Sebagai contoh al-Hārith al-Muhāsibi pada sekitar abad ke-3H telah menghasilkan banyak karya dalam bidang tasawuf sehingga mencecah 200 buah karya. Antara karya-karya tersebut ialah *al-Ri`āyah Li Huqūq Allah*, *Risālah al-Mustarshidīn*, *Kitāb al-`Ilm*, dan *‘Ādāb al-Nufūs* (al-Subkī, 1964: 2/276). Manakala pada sekitar abad ke-4H, muncul Abu Tālib al-Makki telah menghasilkan karyanya yang berjudul *Qūt al-Qulūb* dan al-Kalābādhi dengan karyanya *al-Ta`arruf Li Madhhabi Ahli al-Tasawwuf* (al-Dhahabī, 1984: 16/537).

Pada sekitar abad ke-5H, muncul pula Abdul Karim al-Qushayrī yang telah menghasilkan karya-karyanya seperti *al-Risālah al-Qushayriyah*, *Ādāb al-Sūfiyyah* dan *al-Munājāh* dan al-Ghazali dengan karyanya *Ihyā’ Ulūm al-Dīn* (al-Subkī, 1964: 5/159). Setelah itu munculah Syeikh Shu`ayb al-Maghribi pada abad ke-6H yang telah menghasilkan karyanya seperti *Hirz al-Aqsām* dan *al-Qāsidah al-Istighfāriyyah*. Namun begitu karya beliau yang terkenal ialah Hikam Abu Madyan atau nama sebenarnya *‘Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī `Ilm al-Tawhīd*. Karya ini berbentuk himpunan kata-kata hikmah berkaitan dengan perjalanan kerohanian dalam tasawuf yang diungkapkan oleh Syeikh Shu`ayb al-Maghribi.

Artikel ini akan menjelaskan biografi Syeikh Shu`ayb al-Maghribi, kesahihan nisbah Hikam Abu Madyan kepada beliau, naskhah-naskhah Hikam Abu Madyan dan syarahan awal terhadapnya. Pengkaji akan menerangkan mengenai 4 buah syarahan awal terhadapnya yang ditemui sehingga kini. Setelah itu artikel ini akan diakhiri dengan penutup sebagai kesimpulan.

BIOGRAFI PENGARANG HIKAM ABU MADYAN

Nama lengkap beliau ialah Abu Madyan Shu`ayb bin Husin al-Andalusi al-Maghribi. Beliau telah dilahirkan pada sekitar 514H di Ishbilī namun beliau membesar di Bijāyah (al-Munāwī, t.t : 2/237). Bijāyah ialah sebuah kawasan tepi laut di antara Afrika dan Moroko. Pada masa kini ia terletak dalam negara Algeria (Yāqūt al-Baghdādī, 1977 : 1/339) Ia merupakan sebuah bandar ilmu yang menjadi tempat permukiman para ulama seperti Syeikh Abu Ali Hasan bin Ali bin Muhammad al-Masīlī, pengarang kitab *al-Tadhkirah Fi 'Usūl 'Ilm al-Dīn, al-Nibrās Fi al-Rad 'Alā Munkir al-Qiyās* dan *al-Tafkīr Fīmā Yashtamil 'Alayh al-Suwar Wa al-Āyāt Min al-Mabādis Wa al-Ghāyāt* serta Syeikh al-Qādī al-Khātīb Abu Muhammad Abdul Haq bin Abdul Rahman al-Azdī al-Ishbilī (al-Ghabrīnī, 1979 : 33,41).

Setelah tinggal di Bijāyah, beliau telah berpindah dan menetap di kawasan Tilimsān. Tilimsān ialah sebuah bandar yang juga dikenali dengan nama Tinimsān. Pada masa kini ia terletak di utara negara Algeria (Yāqūt al-Baghdādī, 1977 : 1/339, 2/44). Ia telah menjadi sebuah bandar keilmuan khususnya ilmu agama Islam semasa pemerintahan kerajaan al-Murābit yang mengambil berat tentang perkembangan agama Islam. Oleh itu, ramai ulama telah bermukim dan menjalankan aktiviti keilmuan mereka di sana (Ulyā', 2012 : 4). Atas faktor ini jugalah Syeikh Shu`ayb al-Maghribi telah berhijrah ke Tilimsan. Beliau menetap di sana sehinggalah kewafatan beliau pada 594H (Ibn Qunfudh, 1965 : 104).

Beliau berusia sekitar 80 tahun semasa kewafatannya. Perkataan terakhir yang beliau ucapkan sebelum menghembuskan nafas yang terakhir ialah Allah yang Maha Hidup (Allah al-Hayy) (al-Munāwī, t.t : 2/244). Muhammad bin Abdul Haq al-Tilimsani menyatakan kewafatan beliau menjadi bukti kebenaran sabda Rasulullah sallā` Allah `alayh wa sallam iaitu seseorang itu mati mengikut kehidupannya lantaran ucapan terakhir beliau ini (al-Ghabrīnī, 1979 : 29). Beliau telah dikebumikan di kawasan yang panggil al-'Ubbād, Tilimsan di sisi Abu Muhammad Abdul Salam al-Tūnusī al-Zāhid (Ibn al-Abār, 2011 : 4/109).

Oleh kerana beliau merupakan seorang tokoh ulama tasawuf yang muncul pada kurun ke-6H. Beliau telah diberikan pelbagai gelaran yang menunjukkan kedudukannya. Beliau diketengahkan sebagai seorang syeikh yang sangat agung (*al-Ustādh al-A`zam*), rujukan ahli tasawuf pada masanya (*Ra's al-Sūfiyyah Fi Waqtihi*). Hal ini kerana beliau merupakan seorang ahli ibadat yang tekun dalam beramal. Malah beliau juga menguasai ilmu syariat dan juga ilmu hakikat (al-Dhahabi, 1983 : 21/218-219). Selain itu, beliau juga diketengahkan sebagai seorang yang zuhud (al-Zāhid). Orang yang zuhud ialah orang yang hanya Allah menjadi keutamaan baginya. Mereka tidak menghiraukan soal kepentingan dunia dan tidak mengambil sesuatu yang bukan haknya (al-Kalābādhī, 1434H : 210).

Di samping itu, beliau juga digelar sebagai rujukan kepada orang sebelah barat Dunia Islam (Shaykh Ahli al-Maghrib). Banyak ulama daripada sebelah barat Dunia Islam telah menjadikan beliau sebagai rujukan mereka seperti Ibn `Arabi al-Andalūsī dan Abdul Haq al-Azdī. Mereka telah menjadikan kata-kata serta manhaj Syeikh Shu`ayb al-Maghribi dalam pentarbiahan sebagai panduan (al-Munāwī, t.t : 2/237-243). Gelaran-gelaran yang diberikan kepada beliau membuktikan bahawa beliau ialah seorang tokoh yang dihormati. Oleh itu tidak hairanlah sehingga kini pengajaran tasawuf beliau masih lagi kekal dan dijadikan sumber rujukan.

Beliau telah berguru dengan ramai ulama terkemuka pada masanya. Hal ini membuatkan beliau mampu menguasai pelbagai bidang ilmu seperti hadis, fiqh dan tasawuf. Antara guru beliau ialah Syeikh Abu al-Hasan Ali bin Ismail, Syeikh Abu al-Hasan Ali ibn Ghālib, Syeikh Abu Bakar Muhammad bin Abdullah bin al-'Arabi al-Ma`āfirī, Syeikh Abu al-Hasan al-Salāwī dan Syeikh Abu `Abd Allah Muhammad al-Daqqāq (Khalid, 2004 : 16). Berikut merupakan senarai 3 orang guru beliau serta ilmu yang dipelajarinya daripada mereka:

1. Syeikh Abu al-Hasan Ali bin Ismail
Beliau ialah Abu al-Hasan Ali bin Ismail ibn Muhammad bin Abdullah bin Hirzihim. Beliau ialah seorang ahli fikah dan juga ahli tasawuf mengikut aliran *al-Malāmatiyyah*. Aliran yang dipelopori oleh Abu Hamdūn pada abad ke-3H (al-Hujwiri, 2007 : 1/263) Abu Madyan telah mempelajari *kitab al-Ri`āyah Li Huqūq Allah* karangan al-Muḥāsibī daripada beliau (Ibn Qunfudh, 1965 : 12,14,20). Beliau telah wafat pada 559H (Ibn al-Zayyāt, 1997 : 168-169).
2. Syeikh Abu al-Hasan Ali ibn Ghālib
Beliau ialah Abu al-Hasan Ali bin Khalf bin Ghalib al-Ansārī al-Andalūsī. Gelaran beliau ialah Maulāy Ali Bū Ghālib. Beliau merupakan seorang ahli fikah di Fas. Abu Madyan telah mendalami ilmu fikah dan membacakan *Sunan al-Tirmizi* kepada beliau (Ibn Qunfudh, 1965 : 26). Beliau telah wafat pada 568H (Abdullah al-Talīdī, 2003 : 46-47).
3. Syeikh Abu `Abd Allah Muhammad al-Daqqāq
Beliau ialah Abu `Abd Allah Muhamamd al-Daqqāq al-Sijilmāsī. Beliau merupakan seorang ahli tasawuf yang terkemuka. Beliau ialah guru pertama Abu Madyan dalam ilmu tasawuf. Hal ini berdasarkan pengakuan beliau bahawa Abu Madyan pada peringkat awal telah mengambil ilmu tasawuf daripadanya (Ibn Qunfudh, 1965 : 27).

Kehebatan Abu Madyan tidak hanya dapat dilihat daripada latar pendidikannya sahaja. Malah ia juga dapat dilihat melalui penghasilan murid-murid beliau yang mencecah ribuan orang. Setiap orang daripada muridnya mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri (Ibn Qunfudh, 1965 : 16). Antara murid beliau yang terkenal ialah Syeikh Abu Zakaria Yahya bin Abu Ali al-Zawāwī, Syeikh Abu Ali Ya`zā bin Yalnūr, Syeikh Abu Jaafar Muhammad bin Yusuf al-Sinhājī, Syeikh Abu `Abd Allah al-Tāwudī, Syeikh Abu Tamīm Abdul Rahman al-Hazmīrī, Syeikh Abu Muhammad Abdul Jalil bin Musa al-`Ansārī al-Qassārī, Syeikh Abu Muhammad Abdul Haq bin Abdul Rahman al-`Ishbīlī (Ibn Qunfudh, 1965 : 27-34).

Di samping menghasilkan murid, Abu Madyan juga telah menghasilkan karya yang berjudul *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī `Ilm al-Tawhīd* (Umar Reda, 1957 : 4/302), Hirz al-Aqsām, al-Qāsidah al-Istighfāriyyah (A.G.Ellis, 1935 : 3/93,117, 387,438), Wasiyyah dan `Aqīdah (Samirah, 2009 : 21), *Taqyīd Fi al-Tasawwuf Wa Adāb Khidmah al-Shaykh, Khutbah Wa`ziyah* dan *al-Jawharah* (Khalid, 2004 : 24). Kesemua karya beliau berada dalam bidang ilmu tasawuf. Namun begitu karya beliau yang paling terkenal dan mendapat perhatian ulama ialah *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī `Ilm al-Tawhīd* yang lebih dikenali dengan nama Hikam Abu Madyan. Ramai ulama telah mensyarakannya untuk memudahkan para pembaca memahaminya.

KESAHIHAN NISBAH HIKAM KEPADA ABU MADYAN

Tidak ada sebarang keraguan dalam kalangan pengkaji dalam menisbahkan *Hikam* atau *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī `Ilm al-Tawhīd* kepada Syeikh Shu`ayb al-Maghribi (Samirah, 2009 : 21). Mereka bersepakat dalam menyenaraikan kitab ini sebagai salah sebuah karya beliau seperti Haji Khalīfah dalam *Kashf al-Zunūn `An Usāmī al-Kutub Wa al-Funūn* dan al-Baghdādi dalam *Īdah al-Maknūn Fi al-Dhayl `Alā Kashf al-Zunūn* (Haji Khalīfah, t.t : 1/84, al-Baghdādi, t.t : 1/133). Malah kitab-kitab syarahan kepada Hikam Abu Madyan juga menisbahkan kitab ini kepada beliau seperti yang disebut oleh Syeikh Ahmad bin Abdul Qadir di dalam syarahannya (Ahmad Ba`ashin, t.t : 2).

Selain itu terdapat 3 buah naskhah tulisan tangan yang berjudul Hikam Abu Madyan telah dijumpai. 2 buah naskhah telah tersimpan di Perpustakaan al-Zāhiriyyah, Damsyik dan 1 buah naskhah lagi tersimpan di Perpustakaan British, London. Penyalin ketiga-tiga buah naskhah tersebut iaitu Makkī bin `Abd al-Nāfi` bin Abī al-Wafā` bin `Ulwān al-Hamawī, Ahmad Bin Mullā Muhammad bin al-Hāj Ahmad dan Muhammad bin Hasan bin Muhammad al-Qābūnī al-Shāfi`ī al-Qādirī telah menyatakan Syeikh Shu`ayb al-Maghribi sebagai pengarangnya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa Hikam atau *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī `Ilm al-Tawhīd* sememangnya karya beliau (Muhammad Riyād, 1978 : 1/470, Charles Rieu, 1894 : 153-154).

NASKHAH-NASKHAH HIKAM ABU MADYAN

Naskhah tulisan tangan pertama bertarikh 1019H telah disalin oleh Makkī bin `Abd al-Nāfi` bin Abī al-Wafā` bin `Ulwān al-Hamawī. Naskhah ini tersimpan di Perpustakaan al-Zāhiriyyah bernombor 1448. Ia dimulai dengan ayat “al-Haq ta`ālā matla` `alā al-sarāir...”, dan diakhiri dengan ayat “...wa ma`a ahl al-maqāmāt bi al-tawhīd wa al-inkisār wa al-salāh wa al-salām `alā nabiyyihi al-mukhtār...” (Muhammad Riyād, 1978 : 1/470).

Naskhah tulisan tangan kedua bertarikh 1089H pula telah disalin oleh Ahmad Bin Mullā Muhammad bin al-Hāj Ahmad. Naskhah ini tersimpan di Perpustakaan British bernombor 4732 folio 68b-74. Ia dimulai dengan ayat “Hadhihi Hikam al-Shaykh al-Fādil...Abu Madyan qaddasa Allah rūhahu...”, manakala ayat pengakhiran naskhah ini tidak dinyatakan oleh Charles Rieu (Charles Rieu, 1894 : 153-154).

Manakala naskhah tulisan tangan ketiga bertarikh 1137H telah disalin oleh Muhammad bin Hasan bin Muhammad al-Qābūnī al-Shāfi`ī al-Qādirī. Naskhah ini tersimpan di Perpustakaan al-Zāhiriyyah bernombor 4042. Ayat awal dan akhir naskhah ini sama seperti naskhah pertama iaitu “al-Haq ta`ālā matla` `alā al-sarāir...”, dan diakhir dengan ayat “...wa ma`a ahl al-maqāmāt bi al-tawhīd wa al-inkisār wa al-salāh wa al-salām `alā nabiyyihi al-mukhtār” dengan sedikit perbezaan (Muhammad Riyād, 1978 : 1/470-471).

Selain itu Hikam Abu Madyan juga telah dicetak buat pertama kali tanpa disertai syarahannya pada 2004M. Cetakan ini telah ditahkik oleh Khalid Zahrī berdasarkan 4 buah naskhah tulisan tangan. 2 buah naskhah tersimpan pada Pusat Khazanah al-Hasaniyyah dan 2 buah naskhah lagi tersimpan pada Pusat Khazanah al-`Ammah, kedua-dua Pusat Khazanah ini berada di Rabat, Maghribi. Ia telah dicetak oleh penerbit Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, Beirut. Cetakan ini dimulai dengan Hikam pertama iaitu “...al-Haq ta`ālā mustabid...” dan diakhiri dengan Hikam “...Āthar nūrahu ma`a al-fuqarā` bi al-ins wa al-inbisāt...” (Khalid, 2004 : 61).

Naskhah yang pertama dalam edisi tahkik ini tersimpan di Pusat Khazanah al-Hasaniyyah bernombor 13424, folio 120-125. Ia disalin menggunakan tulisan Maghribi tanpa disebutkan tarikh dan nama penyalinnya. Naskhah yang kedua pula juga disimpan di Pusat Khazanah yang sama bernombor 13552, folio 225-228. Ia disalin menggunakan tulisan Maghribi oleh Abdul Karim bin Ahmad al-Yahyāwī pada 1200H. Naskhah ketiga dalam tahkik ini tersimpan di Pusat Khazanah al-`Ammah bernombor 1019, folio 262-264. Ia disalin menggunakan tulisan Maghribi tanpa disebutkan tarikh dan nama penyalinnya. Naskhah keempat pula juga disimpan di Pusat Khazanah yang sama bernombor 1991, folio 160-163. Ia disalin menggunakan tulisan Maghribi tanpa disebutkan tarikh dan nama penyalinnya juga (Khalid, 2004 : 61-62). Justeru itu secara umumnya terdapat 7 buah naskhah tulisan tangan Hikam Abi Madyan dan sebuah naskhah bercetak.

SYARAHAN AWAL HIKAM ABU MADYAN

Hikam Abu Madyan ialah himpunan kata-kata hikmah yang ringkas dan padat. Oleh itu seperti kebanyakan karya lain, ia perlu disyarahkan bagi menjelaskan makna pengarang (Ahmad Bā`ashin, t.t : 2-3). Namun begitu syarahan terhadap Hikam Abu Madyan pada peringkat awal tidak banyak didapati. Menurut Ahmad Farid, hanya terdapat 3 syarahan awal terhadapnya dalam bahasa Arab. Pertama, *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah*, kedua, *al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil `Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqā`iq al-Tawhīd `Alā `Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd*, dan ketiga, *al-Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah* (Ahmad Farid, t.t : 3).

Syarahan pertama berjudul *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah* telah dilakukan oleh ulama Mekah, syarahan kedua berjudul *al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil `Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqā`iq al-Tawhīd `Alā Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd* telah dilakukan oleh ulama Hadramaut, manakala syarahan ketiga berjudul *al-Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah* telah dilakukan oleh ulama Algeria. Selain itu, penulis mendapati sebuah syarah terhadap Hikam Abu Madyan karya ulama Melayu dalam bahasa Melayu berjudul *Kanz al-Minan `Alā Hikam Abī Madyan*. Ia juga dapat dikelaskan sebagai antara syarahan awal terhadap Hikam Abu Madyan walaupun tidak dihasilkan dalam bahasa Arab. Hal ini kerana ia juga ditulis dalam tempoh 3 syarahan awal terhadap Hikam Abu Madyan dihasilkan.

Syarahan pertama telah dilakukan sekitar 1000H. Karya ini telah diberi judul *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah*. Pengarangnya ialah Syeikh Ahmad bin Ibrahim Ibn `Allān al-Siddīqī al-Makkī. Beliau telah wafat pada 1033H (al-Muhibbī, 1284H : 1/157-158). Beliau ialah seorang ulama Mekah yang merupakan seorang pengamal Tarekat Naqshabandiyah. Penghasilan syarahan ini oleh ulama Mekah menunjukkan Hikam Abu Madyan telah tersebar dan mendapat tempat dalam kalangan umat Islam. Hal ini memandangkan Mekah merupakan sebuah tempat yang menjadi wadah perlakuran (melting pot) keilmuan umat Islam seluruh dunia (Azyumardi Azra, 2007 : 117-118). Menurut Ahmad Farid, syarah ini merupakan sebuah syarah yang ringkas dan bersifat menyeluruh (Ahmad Farid, t.t : 3). Penulis telah mensyarahkan setiap baris Hikam yang ada. Kaedah yang digunakan penulis dalam syarahan ini ialah beliau menyebut setiap Hikam secara sempurna kemudian syarahan terhadapnya. Kaedah ini digunakan pada setiap Hikam yang ada.

Syarahan kedua telah dilakukan sekitar 1000H juga. Karya ini telah diberi judul *al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil `Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqā`iq al-Tawhīd `Alā Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd*. Pengarangnya ialah Syeikh Ahmad bin Abdul Qadir bin Umar al-Daw`anī al-Hadramī. Beliau telah wafat pada 1052H (al-Muhibbī, 1284H : 1/237-238). Beliau ialah seorang ulama Hadramaut. Karya ini ditulis dengan tujuan menjelaskan makna Hikam Abu Madyan yang sukar untuk difahami kerana terlalu padat (Ahmad Bā`ashin, t.t : 70-71). Syarah ini juga merupakan sebuah syarah yang ringkas dan bersifat menyeluruh. Kaedah yang digunakan oleh penulis dalam syarahan sama seperti kaedah yang digunakan oleh Syeikh Ahmad bin Ibrahim dalam *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah*. Setiap Hikam akan disebutkan dengan sempurna sebelum ia disyarahkan dengan lengkap. Apabila selesai mensyarahkan sebuah Hikam beliau akan berpindah kepada Hikam seterusnya,

Syarahan ketiga pula telah diselesaikan pada 1240H. Karya ini telah diberi judul *Kanz al-Minan `Alā Hikam Abī Madyan* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī al-Jāwī. Beliau telah wafat sekitar 1260H-1264H (Farid Mat Zain et. al., 2016 : 98-99). Beliau ialah seorang ulama Melayu yang merupakan seorang pengamal Tarekat Shattariyyah. Karya ini telah dinyatakan oleh penulis sebagai sebuah karya terjemahan. Pengkaji mendapati terjemahan yang dilakukan mempunyai ciri intertekstualiti. Intertekstualiti merupakan penggabungan berberapa teks yang berbeza menjadi sebuah teks yang baru. Ia melalui proses penterjemahan, penyuntingan, dan penyesuaian antara teks (Zulkifli dan Wan Nasyrudin, 2005 : 161-162).

Rujukan utama penulisan *Kanz al-Minan 'Alā Hikam 'Abi Madyan* ialah *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah* karya Syeikh Ahmad bin Ibrahim yang lalu. Oleh itu kaedah yang digunakan dalam mensyarahkan Hikam juga berpandukan kaedah syarahan tersebut.

Syarahan keempat pula telah diselesaikan pada 1328H. Karya ini telah diberi judul *al-Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah* karya Syeikh Ahmad bin Mustafa al-'Alāwī. Beliau telah wafat pada 1353H (al-Zirkiliy, 2002 : 1/258). Beliau ialah seorang ulama Algeria yang merupakan seorang pengamal Tarekat Shaziliyah. Karya ini telah dihasilkan dalam bentuk tematik. Penulis telah menyusun kembali matan Hikam Abu Madyan kepada 18 topik perbahasan sebelum mensyarahkannya. Syarahan ini dilakukan bagi memudahkan para pembaca memahami perbincangan Hikam Abu Madyan (Ahmad al-'Alāwī, 1989 : 1/8-12). Selain itu penyusunan tematik terhadap Hikam Abu Madyan juga memudahkan para pembaca merujuk topik-topik perbincangan yang terdapat di dalamnya. Penulis juga menggunakan kaedah yang sama seperti kaedah yang digunakan oleh Syeikh Ahmad bin Ibrahim dalam *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah* untuk mensyarahkan Hikam.

Keempat-empat syarahan ini menunjukkan keperihatinan para ulama dalam menjelaskan maksud Hikam Abu Madyan. Syarahan-syarahan yang dilakukan ini telah membantu masyarakat semasa dalam memahaminya. Selain itu, ia juga dapat menjadi panduan kepada generasi selepas untuk menghasilkan syarahan yang sesuai dengan keperluan semasa. Kepelbagaian syarahan terhadap Hikam Abu Madyan ini dapat menunjukkan penerimaan para ulama terhadap pemikiran yang diketengahkan oleh Syeikh Shu`ayb al-Maghribi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Syeikh Shu`ayb al-Maghribi merupakan antara tokoh yang telah menyumbang dalam pengembangan ilmu tasawuf. Beliau telah menghasilkan karya-karya yang menjadi rujukan generasi selepasnya disamping mendidik para murid sebagai penerus beliau. Pemikiran beliau dalam ilmu tasawuf telah tersebar melalui karya dan para muridnya. Antara karya beliau yang terkenal dan dirujuk sehingga sekarang ialah *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Fī 'Ilm al-Tawhīd*. Ia juga lebih dikenali dengan judul *Hikam Abu Madyan*. Para ulama daripada segenap Dunia Islam telah menghasilkan syarahan terhadapnya. Antara syarahan peringkat awal yang ditulis dalam tempoh 1000H sehingga 1328H ialah *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah, al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil 'Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqāiq al-Tawhīd 'Alā Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd, Kanz al-Minan 'Alā Hikam Abī Madyan*, dan *Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah*. Keempat-empat syarahan ini telah dilakukan dalam bahasa Arab kecuali *Kanz al-Minan 'Alā Hikam 'Abi Madyan* yang telah dihasilkan dalam bahasa Melayu. Penghasilan syarahan ini menunjukkan perhatian yang telah diberikan oleh ulama kepada Hikam Abu Madyan.

RUJUKAN

- A.G.Ellis. 1935. *Catalogue of Arabic Printed Books in The British Museum* (Volume 3). London : British Museum
- Abdul Mun'im. 1434H. Pendahuluan dalam al-Kalābadhi. *al-Ta`arruf Li Madhhab Ahli al-Taṣawwuf*. h. 5. Malaysia : Yayasan al-Sofa
- Abdullah al-Talīdī. 2003. *al-Mutrib Bi Mashāhīr Awliyā' al-Maghrib*. Rabat : Dār al-Amān
- Ahmad al-'Alāwī. 1989. *Mawād al-Ghaythiyyah Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah*. Mostaganem : Matba`ah al-'Alāwiyyah.
- Ahmad Bā`ashin. t.t. *al-Bayān Wa al-Mazīd al-Mushtamil 'Alā Ma`ānī al-Tanzīh Wa Haqāiq al-Tawhīd 'Alā Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd*. t.tempat : t.p

- Ahmad Farid. t.t. Pendahuluan dalam Ahmad al-Siddiqī. *Sharh Hikam al-Ghawthiyyah*. h. 3. Kaherah : Dār al-Āfāq al-ʿArabiyah.
- al-Baghdādī. t.t. *Īdah al-Maknūn Fi al-Dhayl ʿAlā Kashf al-Zunūn* (Jilid 1). Beirut : Dār Ihyāʾ al-Turath al-ʿArabī
- Al-Dhahabi. 1983. *Siyar al-Aʿlām al-Nubalāʾ* (Jilid 16, 21). Beirut : Muassasah al-Risālah.
- Al-Ghabrīnī. 1979. *ʿUnwān al-Dirāyah Fīman ʿUrifa Min al-ʿUlamāʾ Fi al-Miah al-Sābiʿah Bi Bijāyah*. Beirut : Dār al-Afāq al-Jadīdah.
- al-Hujwiri. 2007. *Kasf al-Mahjūb* (Jilid 1). Kaherah : al-Majlis al-Aʿlā Li al-Thaqāfah.
- al-Kalābādhi. 1434H. *al-Taʿarruf Li Madhhab Ahl al-Tasawwuf*. Malaysia : Yayasan al-Safa.
- al-Muḥibbī. 1284H. *Khulāṣah al-Athar Fi Aʿyān al-Qarn al-Hādī ʿAshar*. Mesir : al-Maṭbaʿah al-Wahībah.
- Al-Munāwī. t.t. *Kawākib al-Durriyyah Fi Tarājim al-Sādah al-Sūfiyyah* (Jilid 2). Beirut : Dār al-Sādir.
- Al-Subki. 1964. *Tabaqāt al-Shāfiʿiyyah al-Kubrā* (Jilid 2, 5). Kaherah : Matbaʿah Faiṣal ʿIsā al-Bābī al-Halabi.
- al-Zirkiliy. 2002. *al-Aʿlām Qāmūs Tarājīm Li Ashhari al-Rijāl Wa al-Nisāʾ Min al-ʿArab Wa al-Mustaghribīn Wa al-Mustashriqīn*. Beirut : Dār al-ʿIlm Li al-Malāyīn.
- Azyumardi Azra. 2007. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Akar Pembaruan Islam Indonesia* Jakarta : Kencana Prenada Media.
- Charles Rieu. 1894. *Supplement to The Catalogue of The Arabic Manuscripts In The British Museum*. London : British Museum
- Farid Mat Zain, Ezad Azraai, Hakim Zainal, Zamri Arifin & Anwar Fakhri (ed). 2016. *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haji Khalīfah. t.t. *Kashf al-Zunūn ʿAn Usāmī al-Kutub Wa al-Funūn* (Jilid 1). Beirut : Dār Ihyāʾ al-Turath al-ʿArabī.
- Ibn al-Abār. 2011. *al-Takmilah Li Kitāb al-Silah* (Jilid 4). Tunisia : Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn al-Zayyāt. 1997. *al-Tashawwuf Ilā Rijāl al-Taṣawwuf Wa Akhbār Abi al-ʿAbbās al-Sabtiy*. Rabat : Manshūrāt Kuliyyah al-Ādāb.
- Ibn Qunfudh. 1965. *Anis al-Faqīr Wa ʿIzz al-Ḥaqīr*. Rabat : al-Markaz al-Jāmiʿī Li al-Baḥth al-ʿIlm.
- Khalid. 2004. Pendahuluan dalam Abi Madyan Shuʿayb bin al-Hussayn. *Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd*. h. 9-26, 61. Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Muhammad Riyād. 1978. *Fahras Makhtūtāt Dār al-Kutub al-Zāhiriyyah (al-Taṣawwuf)*. Damsyik : Matbūʿāt Majmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyah.
- Samirah. 2009. *al-Kitābah al-Sūfiyyah Fī Uns al-Wahīd Wa Nuzhah al-Murīd Li Abī Madyan Shuʿayb*. Tesis Sarjana, Universiti Qasdī Marbāh Ouargla : Algeria.
- Ulyāʾ. 2012. *al-Muʿtiyāt al-ʿIlmiyyah Li Intiqāl al-ʿUlamāʾ Wa Tullāb al-ʿIlm Bayn al-Andalus Wa Tilimsān Khilāl al-Qarn al-Sādis Li al-Hijrah/al-Thāni ʿAshar Li al-Milādʾ*. *Jurnal Iraqi Academic Scientific Journals* Jilid 19 Bil 4, h. 1-17.
- Umar Ridā. 1957. *Muʿjam al-Muallifīn Tarājim Musannaḥay al-Kutub al-ʿArabiyah*. Beirut : Dār Ihyāʾ al-ʿArabī.
- Yāqūt al-Baghdādī. 1977. *Muʿjam al-Buldān* (Jilid 1). Beirut : Dār al-Sādir.
- Zulkifli dan Wan Nasyrudin. 2005. ‘Turjuman al-Mustafid : Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan’. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 16, h. 156-173. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.